

PERSPEKTIF ISLAM DALAM MENDEPANI MASALAH HUBUNGAN ETNIK

The Islamic Perspective In Facing The Problems Of Ethnic Relations

Nik Kamaliah Nik Abdullah¹
Che Zarrina Sa'ari²

Abstrak

Mutakhir ini dunia berdepan dengan pelbagai masalah khususnya dalam konteks hubungan antara etnik. Islam telah mengatur garispanduan yang jelas dalam menangani isu ini. Artikel ini memaparkan pendekatan Islam berteraskan kepada prinsip; ilmu (al-'Ilm), kebebasan (al-Hurriyah), bermesyuarat (al-Shura), keadilan (al-'Adalah), persamaan (Al-Musawah) dan persaudaraan, kasih sayang (al-Ukhuwah wa al Mahabbah) dan bertanggungjawab (al-Mas'uliyyah) menjadikan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai agama, keturunan, budaya dan bangsa dapat disatukan di bawah satu ummah. Penghayatan terhadap prinsip tersebut menjanjikan kesejahteraan masyarakat.

Kata kunci; *Perspektif Islam, Mendepani Masalah, Hubungan Etnik*

Abstract

Lately the world faced with various problems in particular in the context of relations between ethnic groups. Islam has a clear guideline in arranging the deal with this issue. This article displays a Islamic approach based on principles; knowledge (al-'Ilm), freedom (al-Hurriyah), met (al-Shura), justice (al-'Adalah), equations (Al-Musawah) and brotherhood, love (the spirit of wa al Mahabbah) and responsible (al-Mas'uliyyah) make society from various religious, cultural and ethnic ancestry, could be consolidated under one ummah. Appreciation of the principles of the welfare promises.

Keyword; *An Islamic Perspective, Confronting Problems, Ethnic Relations*

Pengenalan

Islam merupakan ajaran universal, merangkumi seluruh aspek kehidupan sama ada merujuk kepada hubungan antara manusia dengan pencipta, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan alam. Sehubungan dengan itu, dalam mengatur perhubungan antara manusia, Islam telah memberi satu garis panduan yang tersendiri sebagaimana firman Allah S.W.T

¹ Calon PhD di Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan juga Pensyarah Akademi Pengajian Islam (ACIS), UiTM, Shah Alam.

² Prof Madya Dr, Ketua Jabatan Aqidah Dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Dan Penyelia Calon.

يَأَيُّهَا أَلْنَاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ
أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَصُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَمِيرٌ^{۱۳}

al Hujurat 49: 13

Terjemahan: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).*

Ayat tersebut memberi penjelasan bahawa setiap individu yang lahir di muka bumi ini sama ada lelaki atau perempuan yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan puak, semuanya adalah ciptaan Allah S.W.T. daripada satu keturunan iaitu menerusi Nabi Allah Adam dan Hawa. 'a.s.. Maksud tersirat di sebalik ciptaan ini, adalah untuk mereka saling berkenalan antara satu sama lain. Malah dalam perhubungan ini Allah S.W.T. menegaskan bahawa antara mereka tidak ada sebarang perbezaan sama ada dari segi bangsa, keturunan, pangkat, darjah dan harta melainkan orang yang paling bertaqwa dari kalangan mereka. Realitinya kepelbagaian yang terdapat di antara manusia bukanlah untuk bermegah-megah dengan keistimewaan yang dimiliki oleh mereka tetapi sebaliknya adalah untuk mewujudkan hubungan serta kerjasama yang erat dan bertolongan dalam usaha yang boleh mendatangkan kebaikan bagi membina kehidupan yang harmoni serta negara yang makmur. Justeru, Islam memerangi 'Asabiyyah *Jahiliyyah* iaitu kebanggaan dan kecintaan terhadap bangsa atau keturunan sendiri dengan cara yang melampau, sehingga kezaliman yang dilakukan oleh golongan sendiri diperakui sementara hak yang sepatutnya dimiliki oleh kaum lain dialpakan.³

Menerusi gagasan Islam inilah masyarakat Islam terdahulu mampu membawa Islam melewati tiga perempat dunia dan ternyata sejarah memaparkan Islam diterima dengan baik.

Pandangan Islam Mengenai Hubungan Etnik

Islam mempunyai perspektif yang berbeza terhadap hubungan etnik. Kedatangan Islam keseluruhan tempat yang pernah didudukinya dianggap sebagai satu rahmat, justeru layanan yang diberikan oleh pemerintahan Islam terhadap mereka yang berlainan agama, keturunan, bangsa dan warna kulit adalah sama. Masyarakat Andalusia yang berlainan bangsa dan agama mendapat hak yang saksama untuk menikmati kehidupan sebagaimana masyarakat muslim. Mereka bebas mengamalkan ajaran masing-masing. Pendidikan percuma yang belum pernah mereka kecapa turut mereka perolehi, di mana keadaan ini hanya boleh dinikmati oleh segelintir golongan paderi dan bangsawan sahaja sewaktu mereka tinggal di bawah pemerintah yang seagama dan sebangsa dengan mereka. Mereka juga turut diberi peluang untuk bergiat cergas dalam aktiviti ekonomi, sosial, politik dan pelbagai lagi. Oleh itu tidak hairanlah bumi

³ Sa`id Ḥawa al-Asāfī al-Tafsīr, (al-Qāhirah:Dār al-Salām,1985), 9:5417-5418; Ibn Kathīr, Ismā‘īl ibn ‘Umar Ibn Kathīr Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm, li ‘Imād-al Dīn Abī'l-Fidā Ismā‘īl ibn Kathīr al-Qurashī al-Dimashqī. Qūbilat Hādhīhi'l-tab‘ah 'alā 'Iddat Nusakh Khaṭīyah bi Dār-al-Kutub al-Miṣrīyah waṣaḥḥahahā Nukhbah min al-‘Ulamā', (al-Qāhirah: Dār Īḥyā' al-Kutub al-‘Arabīyah ‘Īṣā ʻal-Bābī ʻal-Ḥalabī,t.t),4:216-217.

Andalusia telah dianggap sebagai obor dunia Eropah yang kemudiannya telah mencetuskan zaman renaisans (*renaissance*) atau zaman kebangkitan semula dunia tersebut dari zaman gelap (*dark ages*).⁴

Sehubungan dengan itu, Micheal Hart mencatatkan dalam tulisannya;

"What the scholars said about the dark or barbaric medieval age it makes sense with regard to Europe, but not within regard to Islam and Muslim world. Because when Europe were under darkness of the ignorance, the muslim world was witnessing, during the same period, the birth and developement of brilliant civilisation in which humanity and human rights were mostly honoured The Europe, that is the west, for the first time smell of civilisation from muslims in 7th century through Palenmo and Andalusia (Spain) at the time when the latter was remained in a state of ignorance and backwardness for a long time period.

⁵

Inilah contoh yang telah diperkenalkan oleh pemerintah Islam sewaktu mereka membuka kawasan baru. Mereka telah mengambil model yang telah dipertontonkan oleh baginda Muhammad s.a.w. sewaktu memerintah di bumi Madinah. Rasulullah s.a.w. telah memperkenan asas serta prinsip dalam konteks perhubungan antara etnik sehingga baginda telah dimartabatkan sebagai tokoh pemimpin yang terulung di dunia. Karisma kepimpinan yang dimiliki oleh Baginda s.a.w. dicatatkan oleh Hart dalam tulisannya; "Muhammad was the only man in history who was supremely successful on the both religious and secular levels."⁶

Prinsip Hubungan Etnik

Bagi menjamin keutuhan perhubungan antara etnik dalam sesebuah masyarakat, beberapa gagasan yang terungkap dalam ajaran Islam perlu dijadikan sebagai garis panduan. Ia menjadi teras utama dalam menentukan keharmonian sesuatu masyarakat yang sekaligus mampu membangunkan tamadun umat. Antara prinsip tersebut ialah ilmu (*al-'Ilm*), kebebasan (*al-Hurriyah*), pemesyuaratan (*al-Shura*), keadilan (*al-'Adalah*), persamaan (*Al-Mus'awah*) dan persaudaraan, kasih sayang (*al-Ukhwah wa al Mahabbah*) dan bertanggungjawab (*al-Mas'uliyyah*).⁷

Ilmu (*al-'Ilm*)

Islam meletakkan ilmu sebagai nilai tertinggi mengatasi segala-galanya. Ia dijadikan sebagai penyuluhan kepada kehidupan manusia yang sekaligus membawa peradaban manusia kekemuncaknya. Justeru, sebelum Adam 'a.s. dihantar ke bumi, terlebih dahulu Baginda 'a.s. telah diajar oleh Allah S.W.T. tentang ilmu. Dengan itu Adam 'a.s. dan zuriatnya dilantik sebagai

⁴ Joseph F.O. Callaghan, *History of Medieval Spain*, (London: Covnell University Press, t.t), 156; T.B. Irving *Falcon of Spain*, c. 2, (Lahore: Ashraf Press, 1962), 7; W. Montgomery Watt *A History of Islamic Spain*, (Edinburg: Edinburg University Press, 1965), 12; Lihat juga Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad et.al. *Kenalilah Tamadun (al-Hadharah)*, cet. ke 2, (Shah Alam: UPENA UiTM, 2009), 68-77; Azam Hamzah *Sejarah dan Tamadun Islam di Andalus*, (Shah Alam : Hizbi Sdn Bhd, 1991), 129; Rasid Muhamad *Matra Tamadun Islam*, (ABIM, 1996), 223-229.

⁵ Micheal Hart, *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in the History*, (Kuala Lumpur: Golden Book Centre, 1989), 8 ; Dr ABM. Mahbubul Islam, *Freedom of Religion in Shari'ah: A Comparative Analysis*, (Kuala Lumpur: Noordeen, 2002), 67.

⁶ *Ibid.*

⁷ al-Qaradāwī, Prof Dr Yusuf, *Malāmih al-Mujtama' al-Muslim alladhi Nanshuduh*.terj. Muhammad Zaini Yahya, (Selangor: Seribu Dinar dan Shabab Media, 2000), 166.

khalifah di muka bumi dan dimuliakan oleh Allah S.W.T. di kalangan para malaikat dengan diperintahkan sujud kepada baginda ‘a.s.⁸ Berbekalkan ilmu jugalah manusia mampu memakmurkan dan mengharmonikannya. Nabi Muhammad s.a.w. sebelum menjalankan tugas sebagai Nabi dan Rasul, juga turut telah diwahyukan Allah S.W.T. dengan perintah membaca dengan erti melihat, merenung, mengkaji dan menyelidik segala fenomena permukaan bumi ini dengan segala macam karenah penghuninya terutama yang bergelar manusia. Oleh kerana akal manusia tidak mampu memikirkan lebih daripada apa yang dilihat dan didengar, maka Allah S.W.T. membekalkan mereka dengan wahyu (al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber mutlak) sebagai pembimbing akal manusia untuk berfikir.⁹

Realitinya Islamlah yang bertanggungjawab menggesa manusia menerokai ilmu pengetahuan sama ada dengan melihat tanda-tanda kekuasaan Allah menerusi *Ayat Allah al-Maqrū'ah* (tanda-tanda kekuasaan Allah menerusi al-Qur'an) dan *Ayat Allah al-Manzurah* (tanda-tanda kekuasaan Allah menerusi yang dilihat dengan mata). Galakan ini menjadikan seluruh umat Islam silam bergiat cergas dalam semua bidang ilmu sama ada melibatkan ilmu aqidah, ibadah, akhlak dan syariat termasuk juga ilmu politik, ekonomi, sosial, sejarah, geografi, algebra, astronomi dan pelbagai ilmu lagi, yang akhirnya menjadikan mereka pakar dalam pelbagai jenis ilmu. Kemahiran yang dimiliki menjadikan umat Islam sebagai rujukan pihak barat, ditambah lagi dengan galakan biasiswa yang diperuntukan oleh kerajaan Islam kepada kerajaan bukan Islam seperti Itali, England, Perancis dan beberapa buah negeri untuk belajar di dunia Islam.¹⁰ Fenomena ini telah mengangkat martabat umat Islam sehingga mampu menerangi tiga perempat dunia dengan cahaya kebenaran.

Ternyata elemen yang terungkap menerusi perintah Allah S.W.T. dalam surat al-Hujurat, ayat 13 sebagaimana tersebut, telah direalisasikan oleh umat Islam. Sewaktu kedatangan mereka ke bumi Eropah dan Asia termasuk beberapa kawasan lain, mereka cuba mengenal dahulu kehidupan masyarakat setempat dan dari situlah mereka cuba menanam babit silaturrahim, akhirnya terjalinlah perasaan cinta dan sayang antara mereka tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan. Dengan itu mereka terselamat daripada penyakit spiritual, penyakit emosional, penyakit intelektual, penyakit fizikal dan sebagainya. Keadaan tersebut boleh dicapai hanya dengan bekalan ilmu yang berpandukan wahyu.

Justeru penguasaan ilmu sama ada ilmu duniawi atau ukhrawi (Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah) perlu digarapi oleh setiap individu bagi tujuan melahirkan individu dan masyarakat yang cemerlang dari segi spiritualnya, intelektualnya, emosionalnya serta fizikalnya dan secara tidak langsung akan meraih kejayaan dunia dan sekaligus akhirat. Oleh itu tidak hairanlah umat Islam lampau mampu menempa kegemilangan lantaran sikap mereka yang cintakan ilmu pengetahuan. Segala gerak geri mereka berteraskan ilmu. Benarlah firman Allah S.W.T.;

... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ...

al-Mujadalah 58: 11

⁸ Lihat al-Quran al-Baqarah 2: 31-32.

⁹ Lihat al-Quran al-'Alaq 96: 1-5; Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad, "Perhubungan Etnik Menurut Perspektif Islam" (Kertas-Kerja Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan di Riviera Bay Resort, 9-11 Jun 2005), 6-7.

¹⁰ Muḥammad Farīd Wajdī, *al-Islām fī 'Aṣr ai- 'Ilm*, (Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1967), 445-456.

Terjemahan: ... Allah mengangkat darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan beberapa darjat....

Kebebasan (*al-Hurriyah*)

Kebebasan merupakan nilai yang paling utama atau nadi dalam kehidupan manusia. Kehidupan tanpa kebebasan atau kemerdekaan ibarat patung yang tidak bernyawa. Namun sistem Islam tidak meletakkan manusia bebas semutlaknya, tetapi ia diikat dengan beberapa kaedah serta peraturan-peraturan Islam yang sejajar dengan sifat semulajadi, keadaan dan peranan manusia. Tujuannya adalah untuk mengawal tindaklaku manusia agar tidak terjerumus kelembah kehancuran. Ia menjadi benteng kepada manusia daripada melakukan kezaliman, penindasan, eksplorasi individu ke masyarakat dan kemaslahatan umum. Ikatan tersebut mestilah ditunjangi dengan pengabdian diri kepada Allah dengan melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan laranganNya dalam seluruh aspek kehidupan.¹¹

Sehubungan dengan itu, Islam telah menggariskan beberapa bentuk kebebasan yang perlu ada dalam sesebuah negara bagi menjamin kelangsungan kehidupan yang makmur sesebuah masyarakat. Kebebasan yang dimaksudkan merangkumi kebebasan: peribadi, beragama, politik, memberi pendapat, milik, bekerja dan tempat tinggal.¹² Perhubungan kelompok etnik yang berhasil melalui nilai-nilai insaniah ini, akan melahirkan suasana telus dan melimpah jauh suasana tegang yang wujud disebabkan wujudnya rasa tidak puas hati yang berlaku antara kelompok etnik.¹³

Kebebasan Individu

Dalam konteks kebebasan peribadi atau individu, Islam telah memberi jaminan terhadapnya. Kebebasan individu bermaksud hak individu untuk bergerak bebas sama ada berada di dalam atau keluar negara. Oleh itu mereka mendapat hak perlindungan daripada sebarang pencerobohan dan kezaliman. Mereka tidak boleh ditangkap, dihukum atau dipenjara kecuali mengikut undang-undang. Selain itu mereka juga dilindungi daripada sebarang pencabulan terhadap nyawa, anggota dan kehormatan seperti yang diperuntukkan dalam syariah Islam.¹⁴ Bagi menjamin kebebasan hak tersebut Islam telah mendatangkan peraturan dalam bentuk undang-undang dan akhlak.¹⁵ Sehubungan dengan itu Rasulullah s.a.w.bersabda;

عن صفوان بن سليم، عن ثلاثة من أبناء أصحاب رسول الله - صلى الله عليه وسلم - في آبائهم
دنية عن رسول الله - صلى الله عليه وسلم - قال: ألا مَنْ ظَلَمَ مُعَاهِدًا أو انتَقَصَهُ حَقًّا أو كَلَفَهُ
فوق طاقتِهِ أو أَخْذَ لَهُ شَيْئًا بِغَيْرِ حَقِّهِ فَإِنَّا حَجِيجُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَشَارَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ بِيَدِهِ إِلَى صَدَرِهِ أَلَا وَمَنْ قُتِلَ رَجُلًا لِهِ ذَمَّةُ اللَّهِ وَرَسُولِهِ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ، وَإِنْ رَبِحَهَا لِيَوْجُدُ

¹¹ Sa'īd Ḥawwā al-Īslām, (Qāhirah: Dār al-Salām, 1997), 288.

¹² Alias Othman, *Asas-Asas Pemikiran Politik Islam*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1992), 135, 140-141.

¹³ Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad, "Perhubungan Etnik Menurut Perspektif Islam", 8.

¹⁴ Al-Qardhāwī, Dr Yūsuf. *Kedudukan Non-Muslim Dalam Negara Islam*, terj. (Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, 1981), 1-3; Alias Othman, *Asas-Asas Pemikiran Politik Islam*, 137; Mat Saad Abd Rahman Prof Madya Dr, "Kedudukan Masyarakat Bukan Islam Dalam Sejarah Pemerintahan Islam (622M-1924M)" dalam *Pemerintahan Islam Dalam Masyarakat Majmuk*, (Kuala Lumpur: IKIM, 1995), 47-48.

¹⁵ Mahmud Zuhdi Abdul Majid, "Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk: Huraian Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah" dalam *Prinsip-Prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk*, 13.

من مسيرة سبعين خريفاً¹⁶

Terjemahan: Sofwan bin Salim meriwayatkan daripada 30 anak-anak sahabat Rasulullah s.a.w daripada nabi Muhammad s.a.w. Maksudnya: perhatikanlah bahwasanya, barang siapa yang menyakiti atau menzalimi seorang kafir yang telah membuat perjanjian dengan kerajaan Islam atau mengurangkan daripada haknya atau memberatinya dengan tanggungjawab diluar kemampuannya atau mengambil untuknya sesuatu yang bukan haknya maka aku akan menjadi musuhnya dalam berhujah pada hari kiamat kelak. Pada ketika itu Rasulullah s.a.w telah mengisyaratkan dengan tangannya ke dada baginda s.a.w seterusnya terus bersabda: perhatikanlah bahwasanya barangsiapa yang membunuh seorang lelaki yang mana lelaki itu dipelihara darahnya dan hartanya oleh Allah S.W.T dan Rasulullah s.a.w maka pembunuh itu akan diharamkan oleh Allah S.W.T ke atasnya masuk syurga.. padahal sesungguhnya syurga itu baunya dapat dihirup dari jarak perjalanan 70 tahun.

Berdasarkan hadith tersebut menjelaskan betapa Islam amat menekankan soal kebebasan peribadi. Setiap individu yang tinggal di negara muslim akan terjamin kebebasannya. Pernah suatu ketika pihak Islam terpaksa memulangkan semula jizyah yang telah dibayar oleh orang *dhimmah* di wilayah Hems lantaran ketidakmampuan tentera Islam melindungi mereka daripada serangan tentera Rom. Ketika itu tentera Islam terpaksa meninggalkan daerah tersebut untuk menyertai peperangan Yarmouk. Penduduk tersebut yang terdiri daripada kalangan Yahudi dan Kristian merasa terpegun dengan sikap orang Islam dan turut mendoakan agar tentera Islam berjaya menewaskan orang-orang Rom.¹⁷

Begitulah hak kebebasan yang telah digariskan oleh Islam terhadap individu dalam konteks menjaga maruah individu. Jaminan yang diberikan Islam bukan sekadar maruah, malah Islam juga menjaga nyawa manusia tanpa mengira sama ada daripada kalangan muslim atau bukan. Jaminan tersebut adalah terpelihara dan membunuh adalah haram menurut ijma' ulama'.¹⁸ Sabda Rasulullah s.'a.w.:

...عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرِو، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: مَنْ قَتَلَ نَفْسًا مُّعَاهَدًا لَمْ يَجِدْ رَأْحَةَ الْجَنَّةِ، وَإِنَّ رِيحَهَا لَيُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ أَرْبَعِينَ عَامًا¹⁹

Terjemahan ... Abdullah ibn 'Amru meriwayatkan daripada Rasulullah s.'a.w bahawa Rasulullah bersabda: Sesiapa yang membunuh seseorang kafir

¹⁶ Hadith riwayat Abī Dāūd, Kitāb al-Kharāj wa al-Imārah wa al- Fay', Bab Fī Ta`shīr Ahl al-Dhimmah Idha Ikhtalaf bi al-Tijarah, no. Hadith 3052. Lihat Abī Dāūd, Sulayman Ibn al-Ash'ath bin Isḥaq, *Sunan Abī Dāūd*, taḥqīq Shu'ayb al-Arnā'ut (Bayrūt: al-Risalah al-`Alāmiyyah, 2009M/1430H), 4:658. Sanadnya Hasan; Ibn Ḥajar al-`Asqalānī, *Muwafaqāt al-Khabar al-Khabar fī Takhrīj al-Ḥadīth al-Mukhtaṣar*, cet. ke 2, ditahqiqkan oleh Ḥamdi ‘Abd al-Majid al-Salafi, dan Ṣubhi al-Saīd Jāsim al-Sāmirā’ī (Riyadh: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzī, al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su`udiyah, 1414H: 1993M), 2:184. Menurut Ibn Ḥajar al-`Asqalānī martabat hadith ini adalah Hasan.

¹⁷ Muḥammad Rāshīd Riḍā, *al-Wāḥy al-Muḥammadi: Thubūt al- Nubūwwah bi-al-Qur'ān wa- Da'wat Shu'ūb al-Madīnah ilā al-Islām*, (Qāhirah: al-Zahrā' lil-I'lām al-‘Arabī, 1988). 278.

¹⁸ Al-Qaraḍāwī, Dr Yūsuf. *Kedudukan Non-Muslim Dalam Negara Islam*, terj. 6.

¹⁹ Hadith riwayat al-Bukhari, Kitāb al-Diyyāt, Bāb 30; Ithm Man Qatala Dhimmiyyan Bighair Jirm, no hadith 6914, Lihat al-`Asqalānī, Aḥmad bin `Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī Shāhīh ḥāl-Būkhārī*, (al-Riyād: Maktabat Dār al-Salām, 1997), 12:323.

mu'ahid (mempunyai perjanjian dengan kerajaan Islam) ia tidak akan mencium bau syurga sedangkan bau syurga itu boleh dicium walaupun berada di tempat yang sejauh perjalanan empat puluh tahun.

Bukti daripada hadith Rasulullah s.a.w. dan juga daripada paparan sejarah silam menunjukkan bahawa Islam amat menjamin kebebasan individu khususnya bagi bukan Islam. Justeru para ulama' telah menyatakan bahawa perbuatan menyakiti mereka adalah haram. Dalam hal ini, barangsiapa yang bertindak di luar daripada kerangka Islam seperti mencabul hak kaum bukan Islam meskipun sekadar mengeluarkan perkataan jahat terhadap mereka, mengumpat, menyakiti mereka atau bekerjasama dalam melakukan perkara tersebut, bererti telah mengabaikan sesuatu yang telah dijamin oleh Allah S.W.T. dan rasulNya serta terhadap Islam itu sendiri.²⁰

Penjelasan di atas terbukti betapa Islam amat menjaga kepentingan kehidupan masyarakatnya. Justeru Islam telah menyusunatur peraturan-peraturan yang relevan dengan kemaslahatan kehidupan pelbagai etnik. Kebebasan hak individu telah meletakkan kedudukan masyarakatnya berada dalam keadaan selesa lantaran jaminan yang diberikan telah laksanakan oleh kepimpinan Islam suatu ketika dahulu. Huraian mengenai kebebasan ini akan diperincikan dalam tajuk sejarah kehidupan masyarakat majmuk di bawah pemerintahan Islam.

Kebebasan Beragama

Kaedah kebebasan beragama yang kemukakan dalam ajaran Islam merupakan satu kaedah yang agung dan menarik.²¹ Islam memberi jaminan kebebasan beragama kepada setiap penduduk yang tinggal di bawah pentadbiran Islam. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi penjelasan Allah S.W.T. dalam firmanNya;

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۚ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشُدُ مِنَ الْغَيْرِ...
١٥٦

al-Baqarah 2: 256

Terjemahan: *Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana Sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur)...*

Maksud tidak ada paksaan dalam beragama ialah tidak boleh memaksa seseorang menganut ajaran Islam justeru bukti kebaikan Islam amat jelas dan tidak memerlukan paksaan untuk menganutnya. Barangsiapa yang telah dibukakan pintu hatinya untuk Islam maka Allah akan pancarkan hidayah untuknya, sebaliknya jika Allah butakan mata hatinya dan menutup pandangan dan pendengarannya, maka kemasukkannya ke dalam Islam secara terpaksa tidak membawa sebarang erti.²²

Selain itu Islam juga memberi jaminan bagi orang bukan Islam terhadap rumah-rumah ibadat mereka serta upacara keagamaan mereka. Firman Allah S.W.T.;

²⁰ al- Qarāf, Aḥmad Ibrāhīn Ḥāfiẓ, *Kitāb al- Furūq : Anwār al-Burūq fī Anwār al-Furūq*, cet. 1, (al-Qāhirah: Maṭba‘at Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, 1344H/1926), 3: 14; Alias Othman, *Asas-Asas Politik Islam*, 139.

²¹ *Ibid.*147.

²² Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīz* , j. 1:310, Alias Othman, *Asas-Asas Politik Islam*,147.

أُذْنَ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلْمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَى نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ۚ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِن دِيَرِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَن يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ ۖ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُم بِعْضًا لَهُدِمَتْ صَوَامِعٌ وَبَيْعٌ وَصَالَوَاتٌ وَمَسَاجِدٌ يُذْكُرُ فِيهَا أَسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَإِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ۝

Surah al-Haj (22): 39-40

Terjemahan: *Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana Sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan Sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya Dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (Mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan Kami ialah Allah". dan kalaularah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan Sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamanya (agama Islam); Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.*

Dalam konteks mengembangkan ajaran agama selain daripada Islam, Islam menggesa orang bukan Islam agar menjaga perasaan orang Islam dan kesucian agama mereka. Justeru mereka dilarang mempamerkan pelbagai syiar agama dan tanda salib termasuk membina rumah ibadat (sekiranya sebelum ini mereka tidak mepunyai gereja) mereka di kawasan penempatan orang-orang Islam kerana dibimbangi mencabar perasaan orang Islam. Dalam masa yang sama larangan ini adalah untuk mengelak daripada berlaku fitnah dan ketidakteraman dalam masyarakat. Walau bagaimanapun sekiranya kewujudan syiar tersebut di kawasan penempatan mereka, Islam tidak ada halangan terhadap perkara tersebut.²³

Rasulullah s.a.w. sebagai ketua dan pemerintah Negara Islam Madinah, amat mementingkan keharmonian, keselesaan dan keselamatan rakyat, bukan sahaja yang Islam tetapi juga yang bukan Islam yang terdiri dari berbagai kelompok dan etnik. Pernah suatu ketika, Rasulullah s.a.w. telah dikunjungi oleh satu rombongan dari Najran di Masjid Nabawi setelah solat Asar. Sejurus kemudian masuk waktu sembahyang agama mereka orang dan mereka terus menunaikan sembahyang dalam masjid itu. Para sahabat cuba menghalang perbuatan mereka, namun baginda melarang mereka dan dibiarkan sahaja perbuatan mereka, sambil bersabda "Biarkan mereka". Merekapun mengadap ke arah timur dan melakukan solat mereka.²⁴

Sikap menghormati pegangan penganut lain dan tasamuh dalam dalam pergaulan serta keadilan dalam bertindak terhadap kaum dan penganut lain menjadikan penganut Islam disanjungi dan dihormati. Inilah rahsia kepantasan Islam tersebar kepelusuk alam. Pelaksanaan

²³ Al-Qarađāwī, *Kedudukan Non Muslim dalam Negara Islam*.17.

²⁴ Ibn Qayyim,Muhammad ibn Abī Bakr Ibn Qayyim al-Jawzīyah, *Zād al-Ma 'ād fī Hady Khayr al-'Ibād*, (Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah,1979), 3:79-80.

ajarannya berjalan dengan penuh saksama berteraskan akhlak yang tinggi tanpa kekerasan. Amalan ini dilaksanakan sepanjang pemerintahan baginda s.'a.w. serta para sahabat dan pemerintah Islam lain.²⁵

Penghayatan agama yang kental ini menjadi asas utama dalam memupuk kestabilan dan keharmonian masyarakat. Khalifah 'Umar al Khattab telah mengarahkan para pegawainya melayani pengikut ajaran lain dengan penuh kemesraan. Mereka perlu memandang masyarakat lain dengan nilai kemanusiaan yang patut diterima oleh setiap manusia di bumi ini. Sewaktu beliau memasuki Baitulmaqdis, beliau berikrar untuk menjaga keselamatan awam yang meliputi nyawa, harta, agama penduduknya serta gereja mereka. Beliau melarang keras gereja dijadikan sebagai tempat tinggal dan tidak dikurangkan suatu apa pun daripada binaannya, tidak dipaksa orang Masihi dalam urusan mereka dan tidak sesiapapun disakiti.²⁶

Penjelasan di atas menunjukkan betapa Islam memberi perhatian penuh dalam memelihara hak dan kepentingan individu dalam sesebuah masyarakat dan negara. Walaupun kelihatan tegas dalam memelihara prinsip dan dasar perjuangan, namun tidak pula sampai melanggar batas-batas kebebasan dalam kehidupan beragama.

Kebebasan Politik

Kejayaan politik merupakan asas kepada kejayaan sesebuah kerajaan dan sumber kekuatan serta kemajuan umat. Menerusi kebebasan politik kemuliaan dan kehormatan manusia dapat dipelihara, nilai-nilai dan akhlak manusia dapat berkembang, pemikiran dan kebijaksanaan manusia bebas terbuka, keadilan dapat dipelihara. Seterusnya kebahagiaan dan kemakmuran akan menguasai negara. Dengan ini setiap individu akan menikmati kebahagiaan dalam kehidupan.²⁷

Dalam konteks kebebasan politik, setiap golongan sama ada orang Islam atau bukan Islam (ahli *dhimmī*) berpeluang memegang pelbagai jawatan dalam kerajaan. Namun kebebasan ini tidak mutlak. Mana-mana jawatan yang bersifat keagamaan seperti Ketua Negara, Ketua Kerajaan, Ketua Tentera, kehakiman dalam kalangan orang Islam dan pengendalian dalam urusan sedekah serta lainnya hanya boleh dikendalikan oleh orang Islam. Jawatan Ketua Negara (khalifah) merupakan pucuk pimpinan umum dalam urusan agama dan dunia yang menjadi pengganti kepada Nabi s.'a.w.. Manakala Ketua Tentera merupakan amal ibadat yang berkait rapat dengan jihad serta berada di kemuncak seluruh ibadat Islam. Sementara jawatan kehakiman perlu dipegang oleh orang Islam justeru jawatan ini adalah melibatkan syariat Islam yang memerlukan orang yang beriman dengan syariat Islam. Begitu juga dengan pengendalian urusan sedekah dan zakat juga berkait dengan urusan keagamaan.²⁸

*Ahl Dhimmah*²⁹ boleh memegang jawatan sekiranya mereka memenuhi kelayakan seperti amanah dan keikhlasan kepada negara. Sekiranya mereka memiliki sifat hasad dengki

²⁵ Al Sibā'ī, Muṣṭafā, Dr. *Min Rawā'i Hadārātinā*, (Bayrūt: Dār Īrshād, t.t.), 79

²⁶ Al-Kharbuṭlī, 'Alī Ḥusnī, Dr. *al-Īslām wa Ahl Dhimmah*, (Qāhirah: al majlis al A'lā lī al Shu'ūn al Islāmiyyah, 1389H/1969M) 120-121; Mat Saad Abd Rahman Prof Madya Dr, "Kedudukan Masyarakat Bukan Islam Dalam Sejarah Pemerintahan Islam, 102-103

²⁷ Alias Othman (1992), *Asas-Asas Politik Islam*, 159.

²⁸ Al-Qaradāwī, *Kedudukan Non Muslim Dalam Negara Islam*, 23.

²⁹ *Ahl Dhimmah* merupakan golongan bukan Islam yang tinggal di Negara Islam yang telah membayar jizyah (cukai perlindungan kepada bukan Islam yang tinggal di bawah pentadbiran Islam)

mereka dikecualikan daripada memiliki apa-apa jawatan.³⁰ Kenyataan ini disokong oleh firman Allah S.W.T.;

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَخْدُوا بِطَائِهَةَ مِنْ دُونِكُمْ لَا يَأْلُو نَكُمْ خَبَالًا وَدُوَّا مَا عَنِتُّمْ
قَدْ بَدَتِ الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَا لَكُمُ الْآيَتِ إِنْ
كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ^{١١٨}

Surah Ali-Imran,3: 118

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi "orang dalam" (yang dipercayai). mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. telahpun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah Kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya.*

Ayat tersebut adalah berhubung dengan perjanjian *Dhimmah* antara orang bukan Islam dengan Nabi s.'a.w.. Islam tidak melarang penganutnya untuk bekerjasama dengan bukan Islam dengan syarat mereka tidak memusuhi Islam. Dengan ini menjelaskan betapa orang Islam harus mengambil mereka sebagai rakan sekerja bagi mentadbir dan membangunkan negara. Baginda s.'a.w. pernah melantik seorang kafir dari suku Khuza'ah, Dhu al Hulaifah sebagai perisik kekuatan musuh Quraisy. Ini menunjukkan bahawa Islam mengharuskan penyerahan pentadbiran awam negara kepada *dhimmi* sekiranya memenuhi kelayakan yang tersebut.³¹

Kenyataan yang diketengahkan menjelaskan bahawa Islam begitu bertoleransi terhadap semua golongan. Malah sifat tidak adil amat ditentang dalam ajaran Islam. Sikap yang dipamerkan oleh pemerintah Islam telah menjadikan sebahagian sarjana barat seperti Adam Metz³² dan Arnold³³ mengaguminya.

Kebebasan Memberi Pendapat

Kebebasan individu dalam mengemukakan pandangan merupakan hak individu yang amat penting dalam sesebuah pemerintahan. Oleh itu kerajaan tidak boleh menyekatnya dan dalam masa yang sama individu tidak boleh berkompromi untuk mendapatkannya. Kebebasan ini juga merupakan satu pengiktirafan kepada setiap individu. Menerusi kebebasan ini setiap individu mampu menuaikan tanggungjawabnya sebagai individu muslim. Amar makruf dan nahi mungkar merupakan kewajiban yang begitu besar dalam Islam. Tanggungjawab ini tidak mampu dilaksanakan tanpa kebebasan memberi pandangan atau bersuara. Justeru kebebasan

³⁰ Al-Qaradāwī, *Kedudukan Non Muslim Dalam Negara Islam*, 24.

³¹ Dr. 'Abd al Karīm Zaydān, *Aḥkām al-Dhimmīyyīn wa al-Mustā'min*, (Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 1976) 79-80.

³² Adam Metz, *Al-Haḍārah al-'Arabiyyah fī al-Qarn al-Rābi`al-Hijrī aw 'Aṣr al-Nahḍah fī al-Islām*, cet. ke 4, terj. Muhammad al-Hādi Abd al-Ridāh, (Qāhirah: Maktabah al-Khanjī, 1967), 105.

³³ Arnold, Thomas Walker, *The Preaching of Islam: A History of the Propagation of the Muslim Faith*, cet. ke 3, (London, 1935), 32-33; Hasan Ibrahim Hassan, *Islam: A Religious, Political and Economic Study*, (Beirut: Khayat, 1967), 193

bersuara merupakan hak asasi bagi menjamin kebaikan sesebuah negara agar berada dalam keadaan aman.³⁴ Firman Allah S.W.T.;

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْحَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ^{١٤}

Ali-Imran 3: 104

Terjemahan: *Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara yang baik, serta melarang daripada Segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.*

Ayat tersebut menjelaskan tentang kewajiban individu muslim mengajak manusia agar mengerjakan kebaikan dan mencegah mereka daripada melakukan kejahatan. Amanah ini tidak mungkin dilaksanakan tanpa kebebasan dalam memberi nasihat, membuat penjelasan, menganalisis, mengkritik serta membuat penilaian. Dalam hal ini kebebasan dalam mengemukakan buah pandangan merupakan satu keperluan lantaran setiap manusia perlu ditegur agar mereka tidak alpa dengan kehidupan dan mengelak mereka daripada terjerumus dalam perkara yang membinasakan.³⁵

Kebebasan ini berkembang subur dalam pemerintahan Islam silam. Rakyat telah dijadikan sebagai mata kepada pemerintah. Mereka juga menjadi penasihat kepada pemerintahan agar dapat membetulkan kesilapan pemerintah yang telah lalai. Lantaran itu Omar al-Khattab memarahi individu yang cuba menghalang daripada mengkritik khalifah. Sayyidina Umar berpendapat kebebasan mengemukakan pandangan itu sebagai guru yang paling baik kepada suatu bangsa dan ubat yang paling mujarab kepada pemerintah. Tindakan ini mampu mengelakkan kesilapan lebih awal sebelum ia berlaku.³⁶

Sikap yang telah dijelmakan oleh kepimpinan Islam dalam menerajui kepimpinannya sentiasa dikagumi oleh golongan bukan Islam justeru suasana tersebut sukar kelihatan semasa mereka diperintah oleh pemerintah yang sebangsa dan seagama dengan mereka.

Kebebasan Bekerja

Dalam sesebuah pemerintahan Islam, semua masyarakat bebas untuk bekerja . Mereka bebas untuk melakukan apa sahaja bentuk aktiviti ekonomi. Jaminan kebebasan ini melibatkan semua golongan sama ada muslim atau bukan muslim. Bagi menjamin kegiatan ekonomi berjalan secara adil dalam masyarakat, maka Islam telah membataskan aktiviti tersebut tidak boleh terkeluar daripada kerangka ajaran Islam. Oleh itu Islam mengharamkan riba. Kegiatan ini akan menyebabkan ketidakadilan berlaku dalam masyarakat. Manakala jurang sosial antara

³⁴ Alias Othman, *Asas-Asas Politik Islam*, 171.

³⁵ *Ibid*, 172; Abu al Maati Abu al Futūh, *Islam Politik dan Pemerintahan*, (Shah alam: Hizbi, 1990)143-144; Hj Abdul Malik Karim Amrullah, HAMKA, *Keadilan Sosial Dalam Islam*, (Kuala Lumpur: Pustaka Antara,1966), 26

³⁶ Muhammad Khadar Husain, *Nakd Kitāb al-Islām wa Uṣūl al-Hukm*, (Qāhirah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1344), 82; Alias Othman, *Asas-Asas Pemikiran Politik Islam*, 167-168.

masyarakat akan semakin melebar dan terjadilah penindasan daripada golongan kaya terhadap golongan miskin.

Manakala bagi golongan bukan Islam mereka dilarang daripada menjual arak dan babi di kawasan penempatan orang Islam atau secara terang-terangan sekalipun untuk tujuan keperluan mereka sahaja. Mereka juga dilarang untuk membuka kedai arak atau memberi kemudahan untuk mendapatkannya di kawasan orang Islam. Larangan ini adalah untuk menyekat daripada merebaknya keburukan. Walau bagaimanapun masyarakat bukan Islam bebas menikmati apa sahaja pekerjaan yang mereka kehendaki selain perkara tersebut.³⁷ Pada zaman pemerintahan Islam orang bukan Islam banyak terlibat dalam bidang perniagaan dan perusahaan serta bermacam pekerjaan lagi.³⁸ Ini membuktikan bahawa syariat Islam tidak pernah menghalang sesiapapun daripada menikmati kebebasan bekerja.

Kebebasan Tempat Tinggal

Setiap individu yang tinggal di bawah pemerintahan Islam dijamin sepenuhnya untuk mendapat perlindungan tempat tinggal. Seorangpun tidak dibenarkan untuk menceroboh tempat tinggal orang lain. Justeru Islam melarang seseorang memasuki rumah yang bukan miliknya kecuali dengan keizinannya. Oleh itu Allah S.W.T. berfirman;

يَنَّا يُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيوْتًا غَيْرَ بُيوْتِكُمْ حَتَّىٰ تَسْتَأْنِسُوْا وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ
أَهْلِهَا ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝ فَإِنْ لَّمْ تَجِدُوا فِيهَا أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوهَا
حَتَّىٰ يُؤْذَنَ لَكُمْ وَإِنْ قِيلَ لَكُمْ أُرْجِعُوا هُوَ أَزْكِيٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ
عَلِيمٌ

al-Nur, 24: 27-28

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke Dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu). Maka sekiranya kamu tidak mendapatkan sesiapa (yang berhak memberi izin) maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin; dan jika dikatakan kepada kamu "baliklah", maka hendaklah kamu berundur balik; cara yang demikian adalah lebih suci bagi kamu; dan (ingatlah) Allah Maha mengetahui akan apa yang kamu lakukan.

Permesyuaratan (*al-Shura*)

Syura merupakan elemen penting dalam menjamin survival sesebuah negara. Justeru Islam menjadikan nilai ini sebagai satu garis panduan utama bagi menjamin keharmonian sesebuah kerajaan. Sikap membelakangkan syura merupakan antara punca menimbulkan rasa tidak puas

³⁷ Dr. Mat Saad Abdul Rahman, *Pemerintahan Islam Dalam Masyarakat Majmuk*, 63-64.

³⁸ Al-Qaradāwī, *Kedudukan Non Muslim Dalam Negara Islam*. 22 ; Dr. 'Abd Karim Zaydan, *Ahkam al-Dhimmīyyin wa al-Musta'minin*, 110-111.

hati rakyat dari berbagai rumpun etnik terhadap pemerintahan dalam sesebuah negara . Sistem pemerintahan seperti ini dikenali dengan pemerintahan kuku besi. Pemerintahan secara kuku besi adalah bentuk yang ditegah oleh Islam, kerana al-Quran sendiri melarang dari meninggalkan amalan syura.³⁹ Saranan Allah mengenai perkara ini dapat diteliti menerusi firman Nya;

فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ لِنَتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَطَّا غَلِيقَ الْقُلُبِ لَانْفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ
فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَارِرُهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ
يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ^{١٥٩}

Ali 'Imran 3: 159

Terjemahan: *Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu Wahai Muhammad), Engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaular Engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan Yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah Dengan mereka Dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila Engkau telah berazam (Sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang bertawakal kepadaNya.*

Konsep syura juga amat berlainan sekali dengan konsep demokrasi. Demokrasi berkonsepkan semua perkara kembali kepada rakyat, kuasa rakyat dan rakyatlah yang berkuasa menggubal undang2 dan tidak ada kuasa tertinggi melainkan kuasa rakyat. Syura bersumberkan wahyu Ilahi dan berkaitan dengan keimanan. Syura kebiasaananya berkaitan dengan urusan penting yang tidak dinaskan dalam al-Quran. Keputusan yang diambil kebiasaananya tidak lari dari ruh al-Quran dan al-Sunnah. Perlaksanaan konsep ini membezakan sistem Islam dengan sistem bukan Islam.⁴⁰

Rasulullah s.a.w dalam setiap urusannya sentiasa mengambil kira pandangan para sahabat meskipun dalam keadaan tertentu pandangan itu bertentangan dengan baginda. Baginda meminta pandangan al-Ansar dalam perang Badar.⁴¹ Manakala dalam perang Khandak Rasulullah s.a.w. telah menerima pandangan Salman al Farisi agar menggali parit yang luas di sekeliling mereka berdasarkan pengalamannya di Parsi.⁴²

Pelaksanaan amalan syura ini akan menyingkirkan segala perasaan tidak puas hati di kalangan masyarakat. Segala masalah dapat dirungkaikan apabila setiap pandangan yang dikemukakan telah dipersetujui menerusi persetujuan semua pihak. Keadaan ini boleh menjamin kestabilan kehidupan bermasyarakat.

³⁹ Abū al Maati Abu al Futūh, *Islam Politik dan Pemerintahan*, 167-171.

⁴⁰ Alias Othman, *Asas-Asas Politik Islam*. 455-461.

⁴¹ Al-Ṭabarī, Abū Ja’far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tārikh al-Rusul wa al-Mulūk*, cet.ke 2, j.2, (Miṣr: Dār al-Ma’ārif, 1967). 2:435.

⁴² *Ibid*, 566.

Keadilan (*al-'Adalah*)

Keadilan merupakan sifat Allah dan neracaNya di dunia. Pelaksanaan prinsip ini akan memberi kedamaian dalam kehidupan manusia. Prinsip ini berfungsi sebagai rujukan dalam membuat penilaian terhadap sebarang perbuatan, kejadian yang berlaku. Dengan ini manusia akan terselamat daripada pengaruh hawa nafsu, keinginan serta pertembungan kepentingan antara manusia. Pada asasnya neraca tidak mungkin menimbang seseorang dengan berat sebelah justeru ia menimbang dengan kebenaran Ilahi. Penggunaan neraca ini akan menyelamatkan manusia dalam pertarungan nafsu, yang akhirnya akan memusnahkan kehidupan manusia.⁴³

Sehubungan dengan itu, Islam sentiasa menyeru umatnya supaya berlaku adil, terutama kepada pihak pemerintah tanpa mementingkan kumpulan, kelompok atau etnik tertentu. Keadilan meliputi kes-kes yang berkaitan dengan perkataan, urusam peribadi, menyelesaikan perselisihan, terhadap musuh, menghukum kehakiman, pengagihankekayaan negara, kenaan cukai, pendidikan dan sebagainya. Dalam hal ini Allah S.W.T. mengingatkan menerusi firman Nya;

وَإِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ... ٦٠

al-Nahl 16:90

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman... ”.*

... وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَآنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ... ٨

al-Maidah 5: 8

Terjemahan: “...Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juar) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa...”.

وَإِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْمِنُوا أَلَّا يَأْخِلُهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن
تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ... ٤٨

al-Nisa' 4: 58

⁴³ Alias Othman, *Asas-Asas Politik Islam*. 253.

Terjemahan: "Sesungguhnya Allah S.W.T. menyuruh kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, hendaklah menghukum dengan adil ...".

Allah S.W.T. memerintahkan manusia agar berlaku adil dalam semua urusan, sama ada ke atas jiwa, harta, kehormatan, hak mukmin, kafir atau fasiq. Sekiranya manusia mengingkarinya mereka tergolong dalam golongan yang zalim dan telah melakukan kesalahan besar. Dengan itu Allah S.W.T. berhak menimpakan kehancuran ke atas mereka sama ada di dunia dan azab yang dahsyat di akhirat kelak.

Rasulullah s.a.w. dan para Khulafa al-Rasyidin sentiasa berhati-hati dalam menunaikan tanggungjawabnya. Mereka sentiasa memastikan agar berlaku adil dalam setiap tindakan. Kesan daripada perlakuan ini, maka tidak hairanlah penduduk Syam yang telah diperintah oleh Rome mengirim surat kepada orang Islam dengan menyatakan bahawa mereka lebih suka kepada orang Islam berbanding dengan orang Rome, meskipun mereka seagama dengan mereka. Mereka menjelaskan bahawa orang Islam lebih jujur dan lebih simpati kepada mereka lantaran orang Islam lebih menahan diri dari menzalimi mereka dan lebih baik daripada pemerintah mereka. Perutusan tersebut diberikan sewaktu Sayyidina Omar membuka negeri Syam.⁴⁴

Kesamarataan (*Al-Mus'awah*)

Kesamarataan merupakan prinsip nilai yang perlu diberi perhatian bagi menjamin keharmonian kehidupan bermasyarakat khususnya dalam konteks hubungan antara masyarakat berbilang kaum. Konsep ini dirakamkan oleh Allah S.W.T. dalam firmanNya;

يَأَيُّهَا أَنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاهُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلٍ لِتَعَارَفُوا إِنَّ
أَكْرَمَهُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتُقْدِسُهُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ^{۱۲}

al Hujurat 49: 13

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya).

Persamaan yang dimaksudkan ialah status manusia, persamaan antara lelaki dan perempuan dari segi kedudukan, hak, peranan dan kewajipan, persamaan antara muslim dengan bukan muslim dari segi tanggungjawab menunaikan hak, kewajipan dan patuh kepada hukum kecuali yang berkaitan dengan urusan ajaran agama masing-masing. Justeru Islam telah menetapkan bahawa rakyat berstatus *dhimmi* yang tinggal di negeri Islam atau di mana-mana

⁴⁴ Arnold Thomas Walker, *The Preaching of Islam*. cet.ke 2, (Pakistan: SH Muhammad Asyraf, 1979), 53, 55.

negeri yang berada di bawah naungan Islam mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama dengan orang Islam kecuali yang bersangkutan dengan ajaran agama.⁴⁵

Islam menggesa penganutnya berinteraksi secara berhemah dengan golongan *dhimmi*. Dalam aspek kemanusiaan, seorang muslim perlu menghormati semua golongan meskipun ia seorang bukan Islam. Rasulullah s.'a.w. telah bangun berdiri sebagai isyarat tanda hormat kepada jenazah seorang Yahudi sewaktu melintasi di hadapan baginda. Tindakan baginda telah ditegur oleh para sahabat dengan memperingatkan bahawa jenazah tersebut adalah jenazah seorang Yahudi. Lantas baginda menjawab "Tidakkah dia seorang manusia".⁴⁶

Selain daripada itu, Islam menetapkan bahawa perjalanan sesuatu perundangan tidak terdapat sebarang pertalian dengan keluarga atau kerabat. Perkara jelas terungkap peristiwa ketika seorang wanita bangsawan Bani Makhzum disabitkan dengan kesalahan mencuri. Beliau mengambil inisiatif untuk berjumpa Ummu Salamah isteri baginda s.'a.w., dengan harapan beliau akan dikecualikan daripada hukuman hudud. Lantas Nabi s.'a.w. menjawab "Jika sekiranya Fatimah mencuri, nescaya aku akan potong tangannya, maka potonglah tangannya".⁴⁷

Konsep kesamarataan yang dianjurkan Islam melangkaui batas keturunan, warna kulit dan status seseorang. Perjalanan konsep ini menjadikan setiap kehidupan masyarakat akan terjamin justeru setiap kehidupan masyarakat akan terbela tanpa sebarang prejedis.

Persaudaraan dan Kasih Sayang (*al-Ukhruwwah wa al-Mahabbah*)

Ikatan persaudaraan dan kasih sayang antara anggota merupakan asas kekuatan dan kejayaan masyarakat. Prinsip ini bermaksud manusia yang hidup dalam sebuah masyarakat yang sayang menyayangi, mempunyai pertalian yang erat dan saling bantu membantu. Mereka dihimpunkan di bawah satu keluarga yang bertaut di bawah satu ikatan yang tidak dapat dipisahkan lantaran perasaan yang telah terikat antara satu sama lain.⁴⁸

Persaudaraan diumpamakan oleh Rasulullah s.'a.w. seperti simen yang mengikat batu bata Islam pada sebuah binaan kukuh yang tidak boleh runtuh atau goyang. Perumpaan ini merupakan motivasi kepada masyarakat agar menjalinkan hubungan kasih sayang antara mereka, saling bersimpati sekiranya ada yang terlibat dalam kemalangan dan penderitaan, saling membantu dan bekerjasama dalam menanggung kesusahan dan kepayaan.⁴⁹

Islam menekankan konsep persaudaraan yang tidak hanya berdasarkan darah dan keturunan sahaja, malah ianya melebar kepada seluruh bangsa-bangsa yang ada di seluruh dunia. Sesiapa sahaja yang memiliki kalimah syahadah bererti dia adalah dianggap bersaudara atas nama kalimah Allah. Hal ini jelas seperti yang ditegaskan oleh Allah S.W.T. dengan FirmanNya;

⁴⁵ Sa`id Hawa, *al Islam*, cet ke 3 (Qāhirah: Dār al-Salām li al Tibā`ah wa al Nashr wa al Tawzī` wa al-Tarjumah, 1997), 561-568.

⁴⁶ Al-‘Asqalāniy, *Fath al-Bāri Sharah Soḥīḥ al-Bukhārī*, "Kitāb al-Janā'iz" Bāb 49: Man Qāma li Janāzah Yahūdiy.no.hadith 1312, 3:230.

⁴⁷ *Ibid*, Hadith riwayat al Bukhārī, Kitāb al Ḥudūd, Bāb 12; Karāhiyah al Shafā`ah fī al Ḥad idhā Rūfī`a ilā al-Sultān, no hadith 6788, 12:106.

⁴⁸ Al- Qardhawi, *Kedudukan Non Muslim Dalam Negara Islam*, .212

⁴⁹ Nik Mohd Rosdi, *Hubungan Etnik Menurut Perspektif Islam*. 2-12.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوهُوا بَيْنَ أَخْوَيْهِمْ ...

al-Hujurat 49: 10

Terjemahan: *Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu...*

Kenyataan dari ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa Islam menyeru seluruh umat manusia agar saling menjalin hubungan persaudaraan, malah golongan yang suka bermusuhan itu dianggap oleh Allah S.W.T. sebagai berada di tepi jurang neraka yang hampir jatuh tersungkur ke dalamnya. Pada zaman Rasulullah s.a.w., hubungan persaudaraan terjalin menerusi ikatan akidah yang tertanam dalam jiwa setiap individu waktu itu. Mereka tinggal di bawah satu bumbung masjid yang mana di dalamnya terdapat pelbagai bangsa dan warna kulit serta. Namun kepelbagaian tersebut tidak merengangkan hubungan mereka malah bertaut perasaan persaudaraan yang menyatukan mereka. Di kalangan mereka terdapat orang yang berbangsa Parsi seperti Salman, berbangsa Rome seperti Suhaib, berbangsa Habsyi seperti Bilal yang hartawan seperti Uthman bin Affan, yang miskin seperti Abu Zar. Terdapat di kalangan mereka yang berasal dari kawasan pedalaman, kota, berpelajaran, buta huruf, berkulit cerah dan hitam. Semua mereka adalah bersaudara di bawah panji Islam.⁵⁰

Begitulah eratnya hubungan persaudaraan yang wujud pada zaman Rasulullah s.a.w.. Hubungan ini akhirnya menimbulkan perasaan kasih dan sayang dan seterusnya sanggup berkorban apa sahaja yang dihadapi oleh saudaranya. Gambaran ini dapat dilihat menerusi peristiwa hijrah, di mana masing-masing daripada kalangan Ansar berebut untuk membantu para saudara mereka yang baru berhijrah iaitu daripada kalangan Muhajirin dengan memberikan pelbagai tawaran termasuk harta benda dan isteri.

Aplikasi hubungan yang baik terhadap sesama muslim dapat digambarkan menerusi hadith yang telah dikemukakan oleh baginda rasullah s.a.w. menerusi sabdanya:

عَنِ النَّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِّهِمْ وَتَرَاحِمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ؛ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضُُوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى)

صحيح البخاري⁵¹

Terjemahannya: *Daripada an-Nu'man bin Bashir berkata, berkata Rasulullah ﷺ: perumpamaan orang-orang yang beriman pada kasih sayang, kerahmatan dan kelembutan diumpamakan seperti jasad. Apabila mengadu salah satu anggota maka seluruh anggota akan ikut bekerjasama dengan berjaga malam dan demam.*

Riwayat Sahih Bukhari.

⁵⁰ Al-Qaradawi, *Malamih al-Mujtama` al-Muslim*, 122.

⁵¹ Hadith Riwayat Sähîh Muslim no.hadith 2586.Kitab al-Bir, wa al-Silah, wa al-Adab, bab Tarahum al-Mukminun wa Ta'atufihim wa Ta'adudihim. Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Qushayrī, *al Musnad al Ṣāḥīḥ al Mukhtaṣar bi Naql al 'Adl 'an al-'Adl ilā Rasullah s. 'a.w.*, (Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 1424H/ 2004M) 4: 1999.

Tanggungjawab (*Al Mas'uliyyah*)

Perkataan *Al Mas'uliyyah* berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud tanggunjawab:⁵²

- Sesuatu yang menjadikan seseorang itu bertanggungjawab dengan sesuatu dan dituntut untuk melaksanakannya.
- Mewajibkan seseorang itu terhadap dirinya untuk tunduk dan patuh dengan apa yang telah tertulis di dalam perundangan.
- Tanggungjawab dari sudut kehakiman: seseorang itu dituntut untuk melaksanakan pekerjaan yang dipertanggungjawab ke atasnya daripada arahan ketua yang tertinggi di sebuah negara, ketua jabatan dan lain lain.

Manakala tanggungjawab menurut *Mujam al Wasit* adalah:⁵³

- Tanggungjawab secara umumnya bermaksud: sesuatu keadaan atau sifat yang seseorang itu ditanya sesuatu urusan yang dibebankan keatasnya.
- Tanggungjawab dari sudut akhlak: seseorang itu dibebankan dengan tanggungjawab terhadap perbuatan dan perkataan.
- Tanggungjawab dari sudut perundangan: seseorang itu dikehendaki untuk mengislahkan sesuatu kesalahan yang terjadi terhadap orang lain mengikut neraca qanun.

Berhubung dengan persoalan tanggungjawab ini Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan secara terperinci dalam sabda baginda;

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: «أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْأَمْيَرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا وَوَلَدِهِ، وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ، وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ، أَلَا فَكُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ»⁵⁴

Terjemahan: *Daripada Ibn Umar r.a daripada Nabi Muhammad s.a.w bahwa baginda bersabda: ketahuilah bahwasanya setiap daripada kalian adalah ketua, dan setiap daripada kalian akan ditanya tentang orang dibawahnya. Seorang ketua atau pemimpin itu adalah dipertanggungjawabkan dan dia akan disoal tentang rakyat bawahannya. Lelaki itu akan dipertanggungjawabkan ke atas keluarganya dan dia akan disoal mengenai mereka. Perempuan itu penjaga dan dipertanggungjawabkan ke atas rumah suaminya dan ke atas anaknya. Perempuan itu akan disoal mengenai mereka. Hamba itu penjaga kepada harta tuannya dan dia akan disoal tentangnya. Ingatlah! Kalian adalah ketua dan dipertanggungjawabnya. setiap daripada kalian akan disoal mengenai tanggungan bawahannya.*

⁵² Jubrān Mas`ūd, *al Rā`id :Mu`jam Lughawiy `Asriy*, 428 entri ”ساعل“ bab ḥīn.

⁵³ Ibrāhīm Muṣṭafā; Ahmād Zayyāt; Hāmid 'Abd al-Qādir; Muḥammad Najjār, *al-Mu`jam al-Wasīt*, (Qāhirah: Dār al Da`wah, t.t), 1: 411. entri sin a la ”ساعل“ bab ḥīn.

⁵⁴ Al Naysābūrī, Muslim bin al Hajjāj Abū al Hasan al Qushayrī , Tahqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al Bāqī, *al Masnad al Sāḥih al Mukhtaṣar bi Naql al 'Adl ilā Rasūlillah s.a.w*, (Bayrūt: Dār Ihyā‘ al Turāth al `Arabi), Kitāb al-Imārah, bab Faḍīlah al-Imām al-Ādil wa 'Uqūbah al-Jā'ir.No Hadith 1829, 3: 1459

Ibn Hajar Rahimahullah, sewaktu menafsirkan perkataan (كلم راع) menyebutkan bahawa semua manusia mempunyai tanggungjawabnya. Meskipun terdapat kalangan manusia yang beranggapan bahawa dirinya tidak mempunyai tanggungjawab, namun sebenarnya seseorang itu tetap mempunyai tanggungjawab iaitu terhadap dirinya dan anggotanya sendiri, seperti melaksanakan tanggungjawabnya terhadap Allah S.W.T. dan tanggungjawab sebagai hambanya.⁵⁵

Berdasarkan definisi, hadith dan pendangan ulama di atas menjelaskan bahawa setiap manusia berperanan sebagai khalifah yang berfungsi dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam hubungan dengan Allah, dengan manusia dan dengan alam.⁵⁶ Dalam konteks tanggungjawab hubungan sosial setiap individu muslim perlu bertanggungjawab dalam menjaga hak sesama muslim dan bukan muslim. Aplikasi akhlak dalam konteks menjaga hubungan yang baik dalam semua peringkat hubungan tersebut menjamin kesejahteraan masyarakat.⁵⁷

Sehubungan dengan itu, tanggungjawab individu muslim perlu menjaga hak terhadap sesama muslim sama ada dengan ibubapa, kerabat, sahabat, teman, guru, jiran dan orang tua. Dalam masa yang sama adab dalam hubungan dengan orang yang berlainan agama, bangsa juga perlu dijaga. Antara perkara yang perlu dijaga ialah memelihara hak orang lain serta melazimkan diri dengan adab sosial yang digariskan dalam Islam.⁵⁸

Tanggungjawab terhadap ibubapa adalah seperti; berbuat baik, taat, mengutamakan mereka dan tidak derhaka. Hak kerabat seperti berbuat baik, menjaga silaturrahim. Hak jiran seperti; berbuat baik, menahan penganiayaan, melindungi dan berlapang dada. Manakala hak teman seperti; memberi salam ketika bertemu, menziarahi ketika sakit, membantu ketika susah, menerima undangan, memberi tahniah pada musim tertentu (Hari Raya), memberi hadiah. Hak terhadap orang tua adalah seperti mendahuluinya atau mengutamakannya. ⁵⁹ Sehubungan dengan perkara ini Allah S.W.T berfirman;

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا وَبِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَى وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنَبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكُتُ أَيْمَنُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَنُورًا ^{٢٦}

Al-Nisa' 4:36

Terjemahan: *Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu*

⁵⁵ Ibn Hajar al-'Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī, *Fath al-Bārī : Sharh Ṣahīh al-Bukhārī*, 2:381.

⁵⁶ Abd al Karīm Zaydān(Dr), *Uṣūl al Da`wah*, c. ke 3, (Baghdad: 1396H/1976M), 193

⁵⁷ Ahmad Sonhadji Mohamad, *Tafsir al Quran, Tafsir al Quran di Radio: `Abr al Athir*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2012), 5:41-42.

⁵⁸ Abdullah Nasih Ulwan, *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*, j. 1. Cet. ke 11 Terj; Syed Ahmad Semat (Singapura: Pustaka Nasional, 1422H/2002M), 424, 451-509

⁵⁹ *Ibid*, 452-511

miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombang takbur dan membangga-banggakan diri.⁶⁰

Prinsip-prinsip yang diutarakan merupakan resipi utama yang telah digunakan oleh pemimpin terdahulu dalam sistem pemerintahan. Kemajmukan masyarakat dalam sistem pemerintahan tidak menjadi halangan bagi kepimpinan Islam untuk bertindak adil dan bersifat toleransi terhadap semua golongan tersebut. Ilmu yang dimiliki terus dihayati dan dijelmakan dalam masyarakat dan akhirnya lahirlah masyarakat yang seimbang antara kehidupan dunia dan akhirat dan seterusnya terbinalah masyarakat bertamadun yang dikagumi dunia. Syed Qutb menggelarkan generasi sahabat Rasulullah s.'a.w. ini sebagai generasi al-Quran yang unik (جَيلٌ قُرْآنِيٌّ فَرِيدٌ) iaitu generasi yang paling istimewa dalam Islam dan sejarah kemanusiaan seluruhnya⁶¹.

Kesimpulan

Pendekatan Islam dalam mendepani masalah hubungan etnik yang berlaku dalam masyarakat berdasarkan pengalaman silam membuktikan betapa Islam mempunyai cara tersendiri dalam menyelesaikan perkara tersebut. Segala elemen yang dipaparkan merupakan indeks utama yang digunkanpakai sepanjang sejarah pertadbiran Islam. Pengabaian terhadap elemen tersebut akan merungkaikan segala kekuatan yang dijalankan oleh Islam selama ini. Justeru penghayatan terhadap gagasan Islam ini menjanjikan kesatuan umah yang diimpikan.

Rujukan

Al- Quran al Karim

‘Abd al Karim Zaydan(Dr), *Usul al Da’wah*, c. ke 3, Baghdad: 1396H/1976M

‘Abdullah Nasih Ulwan, *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*, j. 1. Cet. ke 11 Terj; Syed Ahmad Semat (Singapura: Pustaka Nasional, 1422H/2002M

‘Abd al Karim Zaydan, Dr, *Ahkam al-Dhimmiyin wa al-Musta’mnin*, Bayrut: Mu’assasah al-Risalah, 1976

Abi Daud, Sulayman Ibn al Ash’ath bin Ishaq, *Sunan Abi Daud*, tahqiq Shu’ayb al Arna’ut Bayrut: al Risalah al ‘Alamiyyah, 2009M/1430H

Abu al Maati Abu al Futuh, *Islam Politik dan Pemerintahan*, Shah alam: Hizbi, 1990

Adam Metz, *Al-Hadarah al-‘Arabiyyah fi al-Qarn al-Rabi’al-Hijri aw ‘Asr al-Nahdah fi al Islam*, cet.ke 4, terj. Muhammad al-Hadi Abd al-Ridah, Qahirah: Maktabah al-Khanji, 1967

Ahmad Sonhadji Mohamad, *Tafsir al Quran*, *Tafsir al Quran di Radio: ‘Abr al Athir*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2012

Al Naysaburi, Muslim bin al Hajjaj Abu al Hasan al Qushayri , Tahqiq Muhammad Fu’ad ‘Abd al Baqi, *al Masnad al Sahih al Mukhtasar bi Naql al ‘Adl ila Rasulillah s.’a.w*, Bayrut: Dar Ihya’ al Turath al ‘Arabi.

al- Qarāf, Aḥmad Ibn-Idrīs ī, *Kitāb al- Furūq : Anwār al-Burūq fī Anwār’ al-Furūq*, cet. 1, (al- Qāhirah: Maṭba’at Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabīyah, 1344H/1926

al Siba`i, Mustafa,Dr. *Min Rawai’ Hadaratina*, Bayrut: Dar Irshad, t.t.

⁶⁰ Tafsiran lanjut mengenai ayat tersebut, sila rujuk; Ahmad Sonhadji Mohamad, *Tafsir al Quran*, *Tafsir al Quran di Radio: ‘Abr al Athir*, 5:41-43; Ibn `Āshūr, Muḥammad al Tāhir bin Muḥammad, *al-Tahrīr wa al Tanwīr*, (Tūnis: al Dār li al Tūnisiyyah lil Nashr, 1984), 5:50.

⁶¹ Syed Qutb, *Petunjuk Sepanjang Jalan*, terj. cet. ke 5, (Kuala Lumpur: Pena Sdn. Bhd.1986), .9.

- al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, al-Riyad: Maktabat Dar al Salam,1997
- Alias Othman, *Asas-Asas Pemikiran Politik Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- al-Kharbutli, 'Ali Husni, Dr. *al-Islam wa Ahl Dhimmah*, (Qahirah: al majlis al A'la li al Shu'un al Islamiyyah, 1389H/1969M
- al-Qaradawi, Prof Dr Yusuf, *Malamih al-Mujtama' al-Muslim alladhi Nanshuduh*.terj. Muhammad Zaini Yahya, Selangor: Seribu Dinar dan Shabab Media, 2000
- Al-Qardhawi, Dr Yusuf. *Kedudukan Non-Muslim Dalam Negara Islam*, terj. Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah,1981
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al Tabari, *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, cet.ke 2, j.2, Misr: Dar al-Ma'arif, 1967
- Arnold Thomas Walker, *The Preaching of Islam*. cet.ke 2, Pakistan: SH Muhammad Asyraf, 1979
- Arnold, Thomas Walker, *The Preaching of Islam: A History of the Propogation of the Muslim Faith*, cet. ke 3, London, 1935
- Hasan Ibrahim Hassan, *Islam: A Religious, Political and Economic Study*, Beirut: Khayat, 1967
- Azam Hamzah, *Sejarah dan Tamadun Islam di Andalus*, Shah Alam: Hizbi Sdn Bhd, 1991
- Dr ABM. Mahbubul Islam, *Freedom of Religion in Shari'ah: A Comparative Analysis*, Kuala Lumpur: Noordeen, 2002
- Farid Wajdi, *al-Islam fi 'Asr ai-'Ilm*, Bayrut: Dar al-Kitab al'Arabi, 1967
- HAMKA, Hj Abdul Malik Karim Amrullah, *Keadilan Sosial Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara,1966
- Ibn 'Ashur, Muhammad al Tahir bin Muhammad, *al-Tahrir wa al Tanwir*, Tunis: al Dar li al Tunisiyyah lil Nashr, 1984
- Ibn Kathir, Ismā'il ibn 'Umar Ibn Kathīr *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, li 'Imād-al Dīn Abī'l-Fidā Ismā'il ibn Kathīr al-Qurashī al-Dimashqī. Qūbilat Hādhihi'l-ṭab'ah 'alā 'Iddat Nusakh Khaṭṭiyah bi Dār-al-Kutub al-Miṣriyah waṣaḥḥahā Nukhbah min al-'Ulamā', al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al 'Arabiyyah Īsā al-Bābī al-Halabī,t.t.
- Ibn Qayyim,Muhammad ibn Abī Bakr Ibn Qayyim al-Jawzīyah, *Zād al-Ma'ād fī Hady Khayr al-'Ibād*, (Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah,1979
- Ibrāhīm Muṣṭafá; Aḥmad Zayyāt; Ḥāmid 'Abd al-Qādir; Muḥammad Najjār, *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, Qahirah: Dar al Da`wah, t.t
- Joseph F.O. Callaghan, *History of Medieval Spain*, London: Covnell University Press, t.t
- Mahmud Zuhdi Abdul Majid, "Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk: Huraian Berasaskan al-Quran dan al-Sunnah" dalam *Prinsip-Prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk*, Kuala Lumpur: IKIM,1995
- Mat Saad Abd Rahman Prof Madya Dr,"Kedudukan Masyarakat Bukan Islam Dalam Sejarah Pemerintahan Islam (622M-1924M)" dalam *Pemerintahan Islam Dalam Masyarakat Majmuk*, Kuala Lumpur: IKIM,1995
- Micheal Hart, *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in the History*, Kuala Lumpur: Golden Book Centre, 1989
- Muhammad Khadar Husain, *Nakd Kitab al-Islam wa Usul al-Hukm*, Qahirah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1344
- Muhammad Rashīd Ridā, *al-Wahy al-Muhammadī: Thubūt al- Nubūwwah bi al-Qur'ān wa Da'wat Shu'ub al-Madīnah ilā al-Islām*, Qāhirah: al-Zahrā' lil-I'lām al-'Arabī, 1988
- Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Qushayrī, *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasūlla s.'a.w*, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1424H/ 2004M
- Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad et.al.*Kenalilah Tamadun (al-Hadharah)*, cet. ke 2, Shah Alam: UPENA UiTM, 2009

The Islamic Perspective In Facing The Problems Of Ethnic Relations

Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad, "Perhubungan Etnik Menurut Perspektif Islam" Kertas-Kerja Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan di Riviera Bay Resort, 9-11 Jun 2005

Rasid Muhamad *Matra Tamadun Islam*, ABIM, 1996

Sa'id Hawa *al-Asas fi al-Tafsir*, j. Ke 9, al-Qahirah:Dar al-Salam,1985

Sa'id Hawa, *al Islam*, cet ke 3 Qahirah: Dar al-Salam li al Tiba`ah wa al Nashr wa al Tawzi` wa al-Tarjumah, 1997

Sa'id Hawwa *al Islam*, Qahirah: Dar al-Salam, 1997

Sanadnya Hasan; Ibn Hajar al-'Asqalani, *Muwafaqat al-Khabar al-Khabar fi Takhrij al-Hadith al-Mukhtasar*, cet. ke 2, ditahqiqkan oleh Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi, dan Subhi al-Said Jasim al-Samira'I, Riyadh: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al- Tauzi`, al-Mamlakah al-'Arabiyah al-Su`udiyah, 1414H: 1993M

Syed Qutb, *Petunjuk Sepanjang Jalan*, terj. cet. ke 5, Kuala Lumpur: Pena Sdn. Bhd.1986

T.B. Irving *Falcon of Spain*, c. ke 2, Lahore: Ashraf Press, 1962

W. Montgomery Watt *A History of Islamic Spain*, Edinburg: Edinburg University Press.1965